

nampak lebih menonjol dengan tatu ini. Walaupun sering memakai baju penuh menutup dada setiap kali berjalan di khalayak ramai, tetapi bila bersama teman lelaki ia menaikkan nafsunya.

Bayangkan saja, siapa tidak geram melihat lukisan bunga ros merah di atas dada yang putih? Pasti ini menaikkan nafsu lelaki yang memandang.

Namun, tidak semua wanita dan gadis bertatu mempunyai imaginasi tinggi dalam hubungan seks. Saya tidak menyukai seks ganas tetapi kawan saya menyukainya. Pada masa sama, teman lelaki turut meminta saya mendapatkan pelbagai lukisan tatu di badan."

MAISARA, 23 (Pahang)

"SAYA memakai tatu sejak enam tahun lalu kerana permintaan teman lelaki berbangsa Cina, di samping sebagai tanda kesetiaan saya terhadapnya. Tatu itu saya pilih di pangkal payudara kanan dengan lambang sepasang sayap sebagai simbol kebebasan, selain sekuntum bunga di tengah sayap itu merujuk kepada diri saya.

Saya berbuat demikian selepas tamat persekolahan apabila bekerja sambilan di hotel dan tidak menetap bersama ibu bapa."

NADIA, 26 (Kuala Lumpur)

"SEBILANGAN gadis bertatu beranggapan mereka berbuat demikian untuk bergaya, daya penarik dan ekspresi seks terhadap pasangan atau rakan, tetapi saya berpendapat sebaliknya.

Saya ada empat jenis tatu di pinggul, tubuh belakang serta kedua-dua belah bahu, dan setiap tatu ada maksud tersendiri.

Tiga daripada tatu itu ada-



lah ayat suci al-Quran iaitu tulisan Bismillah pada bahu kiri dan kanan, serta satu bentuk tulisan kaligrafi daripada al-Quran.

Saya membuat tatu sedemikian kerana dibebani masalah peribadi, cinta dan kehidupan sosial yang pernah dilalui.

Waktu malam saya banyak habiskan di kelab malam, minum arak dan seks bebas. Saya sangat sosial dan banyak terjebak dengan pelbagai gejala tidak bermoral.

Apabila usia meningkat, saya semakin jemu dan tertekan dengan kehidupan. Saya juga sering jatuh sakit dan sejak itu terdetik hati membuat tatu (Bismillah dan ayat al-Quran) berkenaan di badan saya.

Orang mungkin tertanya-tanya mengapa saya menulis kalimah Bismillah pada bahu, tetapi saya menganggap ia bagai 'pelindung' diri.

Sebagai orang Islam, saya percaya setiap insan didampingi malaikat pada bahu kiri dan kanan untuk mencatat setiap kebaikan serta keburukan yang mereka lakukan.

Sebab itu saya terfikir meletakkan tatu berkenaan di bahu saya, ia sebagai tanda dan peringatan kepada saya untuk menghindarkan perkara tidak senonoh.

Sejak tatu ini ada di badan saya, hendak minum arak pun fikir dua tiga kali, apa lagi hendak melakukan hubungan seks. Itulah kebbaikannya apabila tatu ini ada di badan saya."

LIZ FYSH, 29 (Selangor)

"ADA empat tatu di tubuh dan semuanya mempunyai maksud berlainan. Paling istimewa adalah di lengan kiri kerana ia bertulis Jepun dengan cacahan nama kedua-dua anak. Ia sebagai tanda kasih sayang terhadap mereka.

Saya bertatu bukan kerana suka-suka. Buktinya, saya ambil masa 10 tahun untuk berfikir sebelum membuat tatu pertama di tengkuk.

Selepas itu saya mencacah tatu kedua iaitu 'Devlin Fish'. Tatu ketiga bersimbolkan 'Pentagram' dengan sedikit ubah suai mengikut cita rasa saya dan kerananya, saya memenangi pertandingan tatu setahun lalu. Sebagai hadiah kemenangan, saya diberi tatu percuma dan saya memilih cacahan nama anak bertulis Jepun berkenaan.

Saya beranggapan tatu tidak semestinya lebih menjurus kepada perlambangan seks saja kerana ia bergantung kepada individu.

Saya merancang membuat

tatu baru tetapi masih memikirkan simbol sesuai. Jika ada yang mahu bertatu, nasihat saya fikirkan sedalam-dalamnya kerana jika sudah dicacah, sukar membuangnyanya."

NITA, 20 (Johor)

"LAMBANG tatu pari-pari bogel berwarna biru yang duduk di atas bulan sabit umpama magnet bagi saya untuk menggoda lelaki dan membuat mereka lebih mudah melekat.

Ia bermakna saya masih kesunyian dan ingin mencari teman lelaki istimewa. Seperkara lain, lambang tatu dari Sepanyol pada lengan saya sangat bermakna kerana ia membolehkan saya mudah mesra dengan pelanggan dan sesuai dengan kerja saya di pusat hiburan di Johor Bahru.

Selepas memakai tatu, saya menerima tawaran daripada lebih ramai lelaki untuk menjadi teman sosial. Bagaimanapun, saya masih me-rahsiakan perbuatan itu daripada keluarga yang berasal dari kawasan kampung di Pontian kerana sedar perkara itu mungkin menyinggung perasaan mereka.

Pada awalnya, saya tidak dapat menahan kesakitan apabila tatu dilakar lebih enam jam di beberapa bahagian badan, termasuk di lengan kiri dan paha kiri, sehingga demam dua tiga hari.

Namun tidak disangka selepas memiliki tatu berkenaan sejak hampir dua bulan lalu, saham saya semakin meningkat di mana lebih ramai lelaki, termasuk pelancong Singapura, menunjukkan minat untuk berkenalan.

Malah, saya dibawa melancong ke luar negara oleh beberapa pelanggan yang menganggap saya gadis berfikiran terbuka dan moden."

>Simbol khurafat

KUALA LUMPUR: "Bukan budaya hidup Islam. Ia juga tidak dibenarkan oleh Islam," kata Presiden Kesatuan Wanita Muslim Antarabangsa, Dr Robiah Hamzah, mengulas berkaitan pemakaian tatu oleh remaja dan wanita Muslim.

Menurut beliau, tatu asalnya digunakan puak Red Indian untuk melambangkan etnik masing-masing kerana mereka sering berpindah randah.

Bagaimanapun, bagi masyarakat Islam, simbol tatu secara tidak langsung membawa kepada syirik, khurafat serta sesat kepada pemakainya.

"Tatu kini hanya lebih kepada perhiasan tetapi ramai juga wanita Muslim terbabit dengannya. Mengapa perlu kita memakainya, sedangkan secara terang-terangan ia tidak dibenarkan dalam Islam," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Prof Madya Dr Sapora Sipon berkata, segelintir wanita bertatu secara psikologinya merasakan simbol cacahan pada tubuh memberi mereka kepuasan.

Selain itu, mereka rasa kuat berdepan kehidupan seharian selain sebagai sifat unik identiti juga personaliti masing-masing.

"Tatu sebenarnya tidak mendatangkan apa-apa kelebihan kepada pemakainya.



ROBIAH... perbuatan syirik



SAPORA... pasti kesal

"Kerana itu ada wanita bertatukan kalimah suci al-Quran menganggapnya sebagai pendinding, sedangkan ia tidak begitu. Begitu juga rama-rama sebagai lambang kehidupan bebas," katanya.

"Daripada segi moral pula, manusia diciptakan cukup sempurna dan tidak perlu memakai tatu jika sekadar suka-suka atau iktan.

"Keseronokan bertatu hanya sementara kerana golongan itu pasti kesal walau sekelumit satu hari nanti. Bukan mudah untuk membuangnyanya dan akhirnya, diri sendiri merana," katanya.